



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PEMAKLUMAN

SALAH LAKU INTEGRITI MELIBATKAN CALON PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN AWAM

Hasil pemantauan dan siasatan yang dilaksanakan, SPA telah mengenal pasti calon yang melakukan salah laku integriti dengan mewujudkan kumpulan tertentu dalam platform media sosial bertujuan menawarkan perkhidmatan berbayar penyediaan jawapan atau bersubahat melakukan aktiviti peniruan dan perkongsian jawapan bagi tujuan lulus Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE).

SPA memandang serius perkara ini dan telah mengambil tindakan tegas dengan **MEMBATALKAN keputusan peperiksaan dan MENYENARAIHITAMKAN calon yang terlibat**. Permohonan calon bagi sebarang jawatan **tidak akan dipertimbangkan**.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
19 OGOS 2021